

Kefahaman Dan Pengamalan Nilai Islam Dalam Kalangan Pelajar “Ground Handling” Di Kolej Swasta Malaysian Aviation Training Academy (MATA) Kuantan

Annasaii Jamar

Annasaii@kuis.edu.my

Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Fatin Nazmin Mansor

Fatinazmin@kuis.edu.my

*Fakulti Peradaban dan Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
(KUIS)*

Mohd Aderi Che Noh

aderi@fsk.upsi.edu.my

Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

ABSTRAK

Nilai sahsiah memberi impak terhadap kualiti kehidupan bagi setiap individu sama ada dari profil penampilan diri, tingkah laku, pemikiran, perasaan, sosial dan rohani. Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti tahap pengamalan dan kefahaman nilai Islam dalam kalangan pelajar di Malaysian Aviation Training Academy (MATA), mengenal pasti perbezaan kefahaman dan pengamalan nilai Islam berdasarkan demografi jantina. Responden kajian terdiri daripada sejumlah 50 orang pelajar yang mengambil kursus lesen pengendalian darat "Ground Handling" Malaysian Aviation Training Academy. Data yang diperolehi daripada borang kaji selidik dianalisis menggunakan perisian program *Statistical Packages For Sosial Science* (SPSS) versi 22.0 dan dapatan kajian dihuraikan dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif dan inferensi untuk menganalisa hipotesis kajian. Analisa data melibatkan min dan ujian-t. Nilai kepercayaan *Alpha Cronbach* kajian adalah 0.97 bagi kefahaman dan 0.923 bagi pengamalan. Dapatan kajian ini menunjukkan tahap pengamalan dan kefahaman remaja terhadap nilai Islam mendapat skor yang tinggi. Namun masih terdapat jurang yang kecil responden cuai dalam pengamalan nilai-nilai Islam. Kajian ini mendapati, tidak terdapat perbezaan tahap kefahaman dan pengamalan berdasarkan jantina. Hasil dari dapatan kajian ini, pihak kolej mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memastikan tahap kefahaman dan pengamalan remaja terhadap nilai Islam akan terus digilap akan serta selari dengan matlamat dan hala tuju Kementerian Pendidikan Malaysia dalam pembangunan sahsiah yang terpuji. Kesimpulannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap pengamalan dan kefahaman nilai Islam dalam kalangan remaja di kolej adalah baik.

Kata Kunci: Pengamalan, Kefahaman, Nilai Islam, Pelajar, Sahsiah

***Understanding And Adoption Of Islamic Values Among "Ground Handling"
Students At Private Colleges Malaysian Aviation Training Academy (MATA)
Kuantan***

ABSTRACT

Personality value has an impact on the quality of life for everyone from a self-appearance, behavioral, thought, feeling, social and spiritual personality. This study was conducted to identify the level of the practice and understanding of Islamic values among students at Malaysian Aviation Training Academy (MATA), identifying the differences of understanding and practicing Islamic values based on gender demographics. The respondent of the study consists of a total of 50 students who took the course of the Land handling license "*Ground Handling*" Malaysian Aviation Training Academy. Data obtained from questionnaires are analyzed using *Statistical Packages for Social Science* programmed (SPSS) software version 22. 0 and the findings of the study are described by using descriptive statistical methods and inferential to analyze the hypothesis of the study. Data analysis involves min and test-T. The value of the *Alpha Cronbach* this study was 0.97 for the understanding and 0.923 for the practice. The Finding of the study showed the level of practicing and understanding of Islamic values among students gaining high scores. But there is still a small gap that is careless in the practice of Islamic values. The study finds, that there is no difference in the level of understanding and practice based on gender. As a result of the findings of this study, the college takes appropriate action to ensure that the level of understanding and the practice of students on Islamic values will continue to be in line with the objective and direction of the Ministry of Education in its noble personality. In conclusion, the findings of the study showed that the level of practice and understanding of Islamic value among students in college was good.

Keywords: Practice, understanding, Islamic values, students, personality

Received: 29 May 2020

Accepted: 1 June 2020

Online Published: 4 June 2020

PENGENALAN

Islam merupakan agama yang menuntut kepada kefahaman dan pengamalan bagi mencapai kesempurnaan dalam aspek kehidupan yang merangkumi akidah, ibadah dan akhlak. Namun, kesempurnaan bukanlah diperolehi dengan senang malah ia mesti melalui proses yang panjang.

Golongan pelajar adalah aset penting dan sumber modal insan dalam pembangunan dan kemajuan. Kajian-kajian yang lepas mendapati nilai-nilai beragama ini boleh diperolehi melalui pendidikan daripada keluarga, tempat belajar, dan juga persekitaran menjadi kesinambungan pembinaan asas-asas amalan agama yang ditanamkan melalui didikan di rumah (Maimun Aqsa Lubis & Roslan Aspar 2005).

Kemerosotan nilai Islam dan akhlak membawa kepada kehancuran sesebuah tamadun manusia. Menurut Ibn Khaldun (2002) faktor kehancuran tamadun adalah disebabkan keruntuhan akhlak dan moral serta nilai manusia. Justeru, pendidikan merupakan komponen yang terbaik bagi membina dan menyemai nilai-nilai yang mulia serta pemupukan ilmu yang positif di mana pendidikan akan memacu kepada perubahan dan kemajuan sesebuah negara. Pelajar pada hari ini diterapkan dengan pelbagai pengetahuan agama dan nilai-nilai Islam melalui proses pembelajaran dan pengalaman bermula di bangku sekolah.

Malah, aspek kekuatan pengetahuan agama dalam kalangan pelajar menjadi tunjang utama dalam perkembangan moral, tingkah laku dan jati diri pelajar bagi mencerminkan identiti muslim yang dikehendaki oleh Islam. Justeru, melalui pembelajaran dan kefahaman Pendidikan Islam berupaya meningkatkan nilai-nilai Islam dan akhlak dalam kehidupan seharian remaja.

Namun, dalam memacu sahsiah dan pekerti yang tinggi pada era teknologi pada hari ini, penilaian ini hanya berdasarkan teori sahaja, realitinya tidak seperti yang diharapkan. Isu tingkah laku dan sikap dan tingkah laku remaja yang terjadi pada masa kini membimbangkan. Remaja pada hari ini berhadapan dengan isu kemerosotan akhlak dan moral dalam kehidupan seharian.

Kajian lepas mendapati amalan nilai-nilai Islam masih di tahap lemah dan semakin kurang diamalkan sepenuhnya dalam aspek kehidupan seharian sehingga memberi kesan yang merugikan masyarakat serta dipandang serong oleh masyarakat bukan Islam (Ahmad Diniyah, 1995; Asmahan, 2009; Seri Kartini & Fariza, 2013; Syukri Ahmad et al., 2014). Implikasinya, masih terdapat segelintir remaja yang terpesong dari pengamalan nilai-nilai yang bertentangan dengan nilai-nilai Islam. Oleh yang demikian, pengamalan nilai-nilai Islam dalam pendidikan Islam perlu lebih memainkan peranan bagi melahirkan generasi yang mengamalkan nilai-nilai Islam berdasarkan kekuatan kefahaman dan pengamalan dari aspek akidah, ibadah dan akhlak.

PENYATAAN MASALAH

Remaja pada hari ini diterapkan dengan pelbagai pengetahuan agama dan nilai-nilai Islam melalui proses pembelajaran dan pengalaman bermula di bangku sekolah. Namun, dalam memacu pembangunan insan pada era teknologi pada hari ini, penilaian ini hanya berdasarkan teori sahaja, realitinya tidak seperti yang diharapkan. Isu tingkah laku dan sikap segelintir remaja realitinya membimbangkan.

Kajian lepas mendapati tahap kefahaman pengamalan terhadap nilai-nilai Islam masih di tahap lemah dan semakin kurang diamalkan sepenuhnya dalam aspek kehidupan seharian sehingga memberi kesan yang merugikan masyarakat serta dipandang serong oleh masyarakat bukan Islam (Ahmad Diniyah, 1995; Asmahan, 2009; Seri Kartini 2013; Syukri Ahmad et al., 2014).

Realiti ini berlaku kepada hampir semua lapisan tahap pendidikan samada di bangku sekolah (Siti Mariam, 2002; Asmahan, 2009; Mohd Ashraf, 2010; Md Yusof Ali, 2015; Zulkifli Md Ali, 2015) dan peringkat institusi pengajian tinggi awam atau swasta (Seri Kartini & Fariza, 2013; Nurul Atiqah, 2017; Nor Hayati Fatmi Taib, 2017) mendapati tahap kefahaman dan pengamalan terhadap nilai Islam masih terdapat kelemahan.

Tahap kefahaman terhadap nilai-nilai Islam yang rendah dipengaruhi pelbagai faktor antaranya adalah ibu bapa, masalah sikap ibu bapa yang mengabaikan soal didikan agama, didikan yang kurang sempurna sedikit sebanyak menghakis jati diri serta memberi kesan yang negatif tingkah laku pelajar (Ezhar et. al, 2008; Asnarulhadi, 2009; Svenson et. al, 2012). Indikasi ini menunjukkan rapuhnya institusi kekeluargaan dalam membangunkan kefahaman terhadap jiwa pelajar. Justeru ikatan dan pertalian yang mesra yang bersifat keibubapaan diantara ibu bapa dan anak khususnya pelajar menjadi benteng daripada pengaruh rakan sebaya yang menjurus kepada kerosakan nilai-nilai akhlak Islam (Hassan,

2007 & Zakaria Stapa et al. 2012). Malah, pembentukan dan perkembangan tingkah laku pelajar saling berkaitan rapat dengan nilai-nilai Islam dengan cerminan akhlak sama ada bersifat positif atau negatif. Ia juga mampu mengubah tingkah laku pelajar sekali gus dengan perkembangan semasa.

Manakala, tahap pengamalan terhadap nilai-nilai Islam mencetuskan pelbagai isu dalam kalangan pelajar yang terjebak dalam pergaulan tanpa batas, ponteng kelas, penyalahgunaan Internet, menonton video lucu, lari dari rumah, dibuang sekolah, kes juvana sehingga ke tahap pelacuran serta pelbagai lagi masalah sosial seperti melepak, merokok dan mengambil dadah terlarang berpelesenan di kelab malam melambangkan kejatuhan nilai penghayatan akhlak dan nilai Islam (Jawiah, 2006; Khairul Hamimah 2008; Sapora Saipon, 2010; Azlina Abdullah, 2010; Yahya Jusoh, 2014). Masalah peajar tidak menunaikan solat dapat dilihat melalui dapatan kajian-kajian yang lepas dalam kalangan remaja (Hasna et al., 2015; Rahmat & Mohd Toriq, 2013; Seri Kartini & Fariza, 2013; Syukri Ahmad et al. 2014; Siti Zaleha, 2016).

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenal pasti tahap kefahaman remaja terhadap nilai Islam.
2. Menilai tahap pengamalan remaja terhadap nilai Islam.
3. Menganalisis perbezaan tahap kefahaman dan tahap pengamalan remaja terhadap nilai Islam berdasarkan jantina.

HIPOTESIS KAJIAN

1. H⁰1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman nilai Islam dalam kalangan remaja berdasarkan jantina.
2. H⁰2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengamalan nilai Islam dalam kalangan remaja berdasarkan jantina.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini menyentuh tahap kefahaman dan pengamalan nilai Islam dalam kalangan pelajar. Lain dari itu, faktor pendorong remaja turut dimuatkan dalam kajian ini. Oleh itu, hasil kajian yang diperolehi nanti, diharapkan dapat menjawab segala persoalan berkaitan tahap kefahaman, tahap pengamalan serta tahap faktor yang mendorong pengamalan nilai-nilai Islam kalangan pelajar. Oleh yang demikian itu, kajian ini berguna untuk diberi perhatian dan dapat digunakan oleh pihak yang berkaitan.

Pengkaji berharap melalui kajian ini, pelajar akan diberi kesedaran untuk mengukur sejauh mana tahap kefahaman dan pengamalan nilai Islam dalam diri mereka. Berikutan realiti yang terjadi pada hari ini, dapatlah dibaiki sikap dan peribadi remaja pada hari ini. Selain itu, melalui amalan harian akan bertambah baik dengan memanfaatkan ibadah-ibadah dan akhlak yang diajarkan oleh Islam lantas menjadi budaya kepada setiap remaja.

SOROTAN KAJIAN

Sifat ketinggian atau nilai merujuk kepada subjek, amalan, praktik, dan berkaitan dengan sifat-sifat yang menjadikan nilai tertentu itu bernilai (Jabir Qamihah, 1996). Nilai terhasil berdasarkan penilaian dari pandangan dan penilaian yang berbeza dari perspektif orang ramai. Abd. Rahim Abd. Rashid (2001) dan Barner (2003) menyatakan nilai merupakan suatu perkara yang baik dan mampu mempengaruhi dalam mencorak perkembangan sahsiah terutama pengaruh perkembangan intelek, moral, sosial dan kerohanian.

Nilai Islam merujuk kepada suatu perkembangan intelek, moral, sosial dan kerohanian yang bersumberkan kepada al-Quran dan as-Sunnah (Jabir Qamihah, 1996). Ajaran Islam secara jelas merupakan petunjuk kepada manusia yang menepati cara hidup manusia (Baharom Mohamad et al. 2008). Mohd Yusof (2003) dan Mohd Ashraff (2010) menyatakan bahawa melalui nilai Islam, manusia akan terpandu dan terdidik melalui intipati amalan-amalan yang baik untuk dijadikan amalan dalam hidup. Nilai ini berperanan dalam memberi pedoman, pegangan hidup dan motivasi dalam kehidupan manusia.

KONSEP NILAI DALAM ISLAM

Sejak sedekad lalu, nilai didefinisikan dalam pelbagai pandangan yang berbeza menurut pandangan para sarjana. Konsep nilai telah dirumuskan berasaskan perspektif bersepadu dan berasaskan sosiobudaya. Dalam perspektif bersepadu, nilai meliputi aspek kecemerlangan akademik, kebijaksanaan, fizikal dan iman (Norazri Mohd Zaidin, 2015). Selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) sebagai satu usaha yang berterusan berteraskan ilmu, teknologi dan nilai keusahawanan untuk membangunkan insan holistik dan seimbang. (Khadijah Ab. Razak, 2009).

Manakala nilai berasaskan sosiobudaya boleh didefinisikan sebagai perkara-perkara yang berkaitan dengan budi dan akal (Rohana Yusof, 2010). Manakala menurut John.J.Macionis (1987) nilai berasaskan sosiobudaya dilihat sebagai kepercayaan, nilai-nilai, tingkahlaku dan objek kebendaan yang dikongsi bersama. Bahkan, K.Dennick-Brecht (2000) nilai berasaskan sosiobudaya mencakupi cara pemikiran yang merangkumi kepercayaan, sistem nilai, ilmu pengetahuan, moral, bahasa, seni, undang-undang serta pola tingkah laku yang seterusnya merujuk kepada adat, kebiasaan dan fesyen.

Konsep nilai yang dibawa oleh al-Ghazali (1977) menekankan kepada akhlak. Menurut Nor Lela Ahmad (2008) akhlak yang mulia merangkumi empat sifat iaitu bijaksana, keberanian, dalam menundukkan hawa nafsu, bersifat adil, dan memelihara diri dari sesuatu yang baik. Tambahan lagi, al-Quran sendiri banyak menekankan persoalan nilai-nilai murni yang menjurus kepada proses mendidik tingkah laku dan pembangunan akhlak. Intipati al-Quran itu sendiri adalah nilai-nilai yang sangat mulia kerana ia merupakan bimbingan dan didikan langsung daripada Allah S.W.T kepada manusia dalam urusan kehidupan manusia termasuklah persoalan berkaitan akhlak dan nilai-nilai Islam. Allah S.W.T berfirman surah Al 'Imran ayat 3 yang bermaksud:

“Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman)”

(Abdullah Basmieh, 2012)

Selain itu, Zakiah (2005) mengatakan bahawa nilai yang baik mempunyai unsur Islam sepatutnya diamalkan dan menitikberatkan perlakuan baik, mempunyai nilai tatasusila manusia terhadap sesama manusia, alam dan Tuhan. Nilai Islam ini tertumpu kepada aspek

rohani, moral, agama dan estetika. Nilai menambah, pegangan nilai seseorang adalah berbeza antara individu. Jika dua individu memegang nilai yang sama, tetapi darjat kekuatan pegangan nilai mereka adalah berbeza. Namun begitu, pegangan nilai individu boleh berubah-ubah mengikut keadaan dan masa. Proses perubahan ini disebut proses pelemahan nilai.

ASPEK NILAI-NILAI ISLAM

Asas keperibadian seorang muslim meletakkan dalam kehidupannya dengan nilai Islam. Nilai Islam ini mengandungi perkara yang berkaitan akidah, ibadah dan akhlak. Menurut Hassan Langgulung (1987) nilai-nilai Islam dalam diri seseorang mengandungi dua fungsi yang saling bergantung antara satu sama lain.

Seterusnya kajian Zakaria (1999) dan Burhanudin Jalal (2015) mengesahkan pandangan yang dikemukakan oleh sarjana-sarjana agung seperti al-Nahlawi (2008) dan al-Attas (2001) telah menegaskan asas penghayatan Islam harus bermula dari akidah, ibadah dan akhlak dalam kehidupan muslim. Sebaliknya, berbalik krisis keruntuhan berpunca dari rendahnya keimanan dalam diri dan penghayatan Islam dalam diri seseorang. Selain itu, kehidupan beragama dikaitkan dengan pengamalan rohani yang memberi pengaruh besar terhadap pembentukan personaliti dan tingkah laku manusia (Md Noor, 2012). Hal ini kerana amalan kerohanian juga merangkumi dimensi akidah, ibadah dan akhlak yang merupakan dasar agama Islam. Akidah merupakan dasar kepada agama menjadi pendorong kepada amalan kebaikan dan membina personaliti positif untuk bertindak secara positif berasaskan ajaran Islam (Jamiah et. al, 2006). Kenyataan ini selari dengan Abdullah Nasih Ulwan (1995) berpendapat akidah dalam Islam adalah salah satu teras pendidikan yang berterusan dan harus dimulakan daripada usia sebelum baligh.

Manakala, ibadah diertikan sebagai perhambaan, pengabdian dan ketaatan. Menurut al-Qardhawi (1995) semua bentuk ketaatan kepada Allah disebabkan kepatuhan dan rasa hina adalah ibadah. Ibadah juga merupakan sebahagian dari bentuk kepatuhan kepada sesuatu dan ia tidak layak kecuali kepada pemberi nikmat dengan segala nikmat seperti kehidupan, kefahaman, pendengaran dan penglihatan. Berimannya seseorang itu setelah menunaikan ibadah dengan penuh ketaatan dan kehambaan diletakkan dalam diri seseorang muslim (Abu Malik as-Sayid Salim, 2009). Untuk melahirkan rasa cinta, seseorang perlu memahami konsep ibadah serta dilazim dengan amalan beribadah kepada Allah (al-Qaradhawi, 2000).

Kefahaman terhadap konsep beribadah merupakan suatu nilai yang penting untuk memainkan peranan dalam membina dan memajukan masyarakat yang menekankan nilai Islam (Hassan Salleh, 1976). Menurut Tajul Arifin & Noraini (2002), peranan kefahaman dalam ibadah adalah membentuk akhlak. Ini sesuai dengan apa yang dibawa oleh teori Bloom (1964) yang menitikberatkan aspek kognitif atau pengetahuan untuk menguji kefahaman. Ibadah sebagai jambatan yang merentasi secara dalam antara hamba dengan pencipta. Menurut Bello A.G.A (2001) ibadah merupakan motivasi terunggul yang menjadi penggerak utama umat Islam. Umat Islam akan memastikan sedaya upaya setiap pekerjaan yang dilakukan itu adalah ibadah. Teori Al-Ghazali (1976) menekankan bahawa pembelajaran dan penghayatan akhlak harus bermula dengan pengetahuan dan kefahaman sebagai mencapai kesempurnaan pengamalan iaitu ibadah.

Selain dari itu, para sarjana menafsirkan akhlak pula adalah perkara yang membicarakan tentang perangai, tingkah laku, pegangan, sikap atau tabiat dan budi pekerti (Hafiz et. al, 2012). Menurut Haron (2007) peranan akhlak seorang muslim akan menjadikan seseorang itu insan yang beradab. Malah, menurut Asmawati (2011) menyokong bahawa akhlak yang diajar dan ditunjukkan oleh Rasulullah berteraskan ajaran Islam. Menurut Khadijah Abdul Razak (2009) melalui akhlak dapat mengeratkan tatacara perhubungan sama ada dengan keluarga, guru dan seluruh masyarakat. Nilai-nilai Islam yang dianjurkan ialah menundukkan pandangan, menjada lidah, malu, lemah lembut, sabar, benar dan tawaduk.

Kesucian akhlak merupakan rahsia dalam setiap ibadah yang terkandung dalam al-Quran untuk menyucikan manusia. Al-Ghazali (1992) menjelaskan, terdapat perkaitan antara akidah dan akhlak yang menghasilkan nilai yang sempurna. Selari dengan teori al-Ghazali (1978) akhlak merupakan pendidikan yang mendidik hati untuk menangkis perasaan jahat yang melibatkan ibadah muhasabah diri. Teori al-Jauziyah (2005) menekankan untuk menghayati nilai-nilai Islam pelaku hendaklah sentiasa tenang dengan keimanan terhadap Allah dalam melangsungkan pengamalan yang sebenar-benar.

METODOLOGI

Populasi kajian ini terdiri pelajar di sebuah Kolej Swasta (Bahagian Rekod Pelajar, Bahagian Pengurusan Akademik MATA). Rasional pemilihan pelajar, populasi pelajar di MATA tidak besar, hanya kursus lesen pengendalian darat dijadikan sebagai responden dalam kajian ini. Menurut Majid Konting (2005) elemen utama dalam pemungutan data dalam kajian ini adalah pelajar tersebut mampu membuat penilaian sendiri berdasarkan tahap kematangan mereka.

Kajian ini menggunakan kajian tinjauan. Noraini Idris (2010) menyatakan bahawa kajian tinjauan sangat berguna apabila penyelidik hendak mengumpul data berhubung dengan fenomena yang tidak dapat diperhatikan secara langsung. Seterusnya kajian ini menggunakan prosedur kaedah persampelan rawak mudah dikatakan sebagai paling sesuai kerana persampelan rawak mudah iaitu kaedah persampelan yang mana tiap-tiap individu dalam populasi bebas untuk dipilih. Oleh itu, setiap yang dipilih, mempunyai peluang yang sama untuk dipilih.

Pemilihan instrumen sangat penting untuk mendapatkan maklumat dalam satu kajian. Instrumen adalah kayu ukur untuk menentukan sama ada maklumat yang diperolehi atau sebaliknya dapat mengukur dengan tepat sesuatu pemboleh ubah yang hendak dikaji. Dalam kajian ini, soal selidik digunakan sebagai instrumen utama. Soal selidik yang dibina menggunakan skala *Likert* lima mata terbahagi kepada lima kategori iaitu, 1= sangat tidak setuju, 2= tidak setuju, 3= kurang setuju, 4= setuju, 5= sangat setuju. Skala *Likert* ini membolehkan data berada dalam skala interval yang mana ia dapat memberi peluang kepada pengkaji untuk menggunakan lebih banyak ujian statistik inferensi yang sesuai (Pallant, 2007).

Mohd Majid Konting (2005) menyatakan instrumen adalah satu alat formal yang diguna untuk mendapatkan maklumat daripada responden tentang perkara yang hendak dikaji oleh penyelidik. Instrumen kajian ini dipilih berdasarkan faktor populasi yang terlalu ramai. Secara khususnya, borang instrumen tersebut diedarkan sendiri oleh pengkaji dengan bantuan

pensyarah dari fakulti terlibat. Melalui cara ini segala maklum balas daripada responden kajian dapat diukur secara seragam.

Data yang diperoleh dan di kumpul daripada responden dianalisis secara kuantitatif dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS). Medium statistik untuk kerja sosial memudahkan pengkaji memperoleh data dan menganalisis data kuantitatif secara cepat dan mudah (Borg & Gall 1979 & Bryman, 2001). Analisis deskriptif digunakan untuk menjawab persoalan kajian 1 dan persoalan kajian 2 yang melibatkan frekuensi, peratusan dan min sisihan piawai.

Analisis Inferensi juga digunakan untuk menjawab persoalan kajian 3. Persoalan kajian 3 berkaitan dengan mengenal pasti perbezaan tahap kefahaman dan tahap pengamalan pelajar terhadap nilai Islam berdasarkan jantina. Namun begitu, sebelum analisis ujian T sampel bebas dijalankan ujian normal bagi taburan data telah diuji terlebih dahulu. Menurut pandangan Sekaran (2003), ujian *normality* di buat melalui *skewness* dan *kurtosis* untuk memastikan data pengkaji adalah normal.

Seterusnya, pengkaji menggunakan nilai *skewness* dan *kurtosis* bagi memastikan data pengkaji adalah normal. Dalam kajian ini, nilai *skewness* menunjukkan dua keputusan kepada pemboleh ubah, kefahaman nilai Islam mempunyai nilai *skewness* (-1.75), manakala nilai *skewness* pengamalan nilai Islam (-0.43). Dapatan ini selari dengan hujah yang digunakan oleh Ghazali Darusslam dan Sufean Hussin (2018) di mana keputusan ujian *normality* bertaburan secara normal dengan nilai *skewness* berada di antara -1.96 dan +1.96.

PK1 Apakah tahap kefahaman nilai Islam dalam kalangan pelajar di Malaysian Aviation Training Academy (MATA)?

PK2 Apakah tahap pengamalan nilai Islam dalam kalangan pelajar?

Skor Min	Interpretasi
1.00 – 2.00	Rendah
2.01- 3.00	Sederhana Rendah
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Sumber: Borg dan Gall (1983)

Analisis inferensi digunakan untuk mengupas soalan ketiga. Ia dijalankan untuk melihat faktor diantara pemboleh ubah tidak bersandar dengan pemboleh ubah bersandar. Dalam konteks kajian ini, pemboleh ubah bersandar merangkumi konstruk kajian yang berkaitan kefahaman dan pengamalan terhadap nilai-nilai Islam.

PK3 Apakah terdapat perbezaan tahap kefahaman dan pengamalan pelajar berdasarkan jantina.

Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman nilai Islam dalam kalangan pelajar berdasarkan jantina.

Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengamalan nilai Islam dalam kalangan pelajar berdasarkan jantina.

DAPATAN

PK1: Apakah tahap kefahaman dan pengamalan pelajar terhadap nilai Islam di Malaysian Aviation Training Academy (MATA) ?

Jadual 4 menunjukkan keputusan analisis skor min mengikut konstruk. Dapatan kajian mendapati keseluruhan skor min tahap kefahaman adalah 4.41, (sisihan piawai=0.23). Merujuk kepada interpretasi skor min didapati tahap kefahaman nilai Islam dalam kalangan pelajar di MATA pada tahap yang tinggi. Selain itu, didapati pengabdian diri kepada Allah sebagai matlamat utama merupakan min yang tertinggi (M=4.97, S.P=0.18). Seterusnya diikuti dengan Allah mengetahui gerak-geri remaja (M=4.97, S.P=0.18), orang yang kuat imannya, akan mengamalkan perintah Allah (M=4.93, S.P=0.25), Saya tahu bahawa Allah boleh memilih sesiapa sahaja untuk memperolehi kesenangan dan kesusahan (M=4.90, S.P 0.30) dan Allah memberi keampunan sekiranya saya bertaubat (M=4.90, S.P=0.35).

Jadual 4: Skor min tahap kefahaman nilai Islam dalam kalangan pelajar

Konstruk	Skor Min	Sisihan Piawai
Matlamat saya adalah untuk mengabdikan diri kepada Allah.	4.97	0.18
Allah mengetahui segala gerak-geri saya	4.97	0.18
Orang yang kuat imannya, akan mengamalkan perintah Allah	4.93	0.25
Saya tahu bahawa Allah boleh memilih sesiapa sahaja yang dikehendakinya untuk memperolehi kesenangan dan kesusahan	4.90	0.30
Allah memberi keampunan kepada saya jika saya bertaubat	4.90	0.35
Keseluruhan	4.41	0.23

PK2 Apakah tahap pengamalan nilai Islam dalam kalangan pelajar di Malaysia Aviation Training Academy (MATA)?

Analisis dijalankan untuk mengetahui tahap pengamalan nilai Islam dalam kalangan pelajar di MATA adalah pada tahap tinggi dengan skor min keseluruhan M=4.23 (S.P=0.33). Berdasarkan jadual 5 didapati konstruk saya rasa bersalah jika terkasar bahasa dengan ibu bapa merupakan min yang tertinggi 4.73 (S.P=0.58), ini diikuti dengan membaca al-Quran memberi ketenangan kepada jiwa saya 4.70 (S.P=0.68), saya sentiasa menunaikan solat fardu lima waktu sehari semalam 4.67 (S.P=0.60), saya menuntut ilmu semata-mata kerana Allah 4.63 (S.P 0.49), dan saya selalu berdoa setiap kali selepas solat 4.63 (S.P=0.55).

Jadual 5

Konstruk	Skor Min	Sisihan Piawai
Saya rasa bersalah jika terkasar bahasa dengan ibu bapa.	4.73	0.58
Membaca al-Quran memberi ketenangan kepada jiwa saya.	4.70	0.65
saya sentiasa menunaikan solat fardu lima waktu sehari semalam.	4.67	0.60
saya menuntut ilmu semata-mata kerana Allah.	4.63	0.49
Saya selalu berdoa setiap kali selepas solat.	4.63	0.55
Keseluruhan	4.23	0.33

PK3 Apakah terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman dan pengamalan pelajar berdasarkan jantungina.

Jadual 6 Perbezaan Tahap Kefahaman Pelajar Terhadap Nilai Islam Mengikut Jantina

Jantina	Bil	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	Tahap Signifikan
Lelaki	18	4.43	0.16	0.73	0.01
Perempuan	12	4.37	0.30		

Berdasarkan jadual diatas, nilai t perbandingan tahap kefahaman pelajar terhadap nilai Islam berdasarkan jantina bagi pelajar lelaki dan perempuan ialah $t=0.73$ dan tahap signifikan $p=0.01$. Tahap signifikan ini lebih besar daripada 0.05 ($p>0.05$). Oleh itu, hipotesis H_01 gagal ditolak. Jadi, tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman nilai Islam dalam kalangan pelajar berdasarkan jantina.

Jadual 7 Perbezaan Tahap Pengamalan Pelajar Terhadap Nilai Islam Berdasarkan Jantina

Jantina	Bil	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	Tahap Signifikan
Lelaki	18	4.25	0.32	0.32	0.71
Perempuan	12	4.20	0.36		

Berdasarkan jadual 7, didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengamalan pelajar terhadap nilai Islam berdasarkan jantina ($t= 0.32$; $p> 0.05$). Maka H_02 juga gagal ditolak. Tahap pengamalan pelajar lelaki (min=4.25) manakala min bagi pelajar perempuan (4.20).

PERBINCANGAN

Tahap Kefahaman Dan Pengamalan Nilai Islam Dalam Kalangan Pelajar.

Kajian ini mendapati tahap kefahaman nilai Islam dalam kalangan pelajar di Malaysian Aviation Training Academy (MATA) berada pada tahap tinggi ($M=4.41$, $S.P=0.23$). Selain itu, hasil kajian ini menunjukkan kefahaman remaja di MATA mempunyai kefahaman terhadap nilai Islam berdasar perkara-perkara yang berkaitan akidah dalam keadaan yang baik. Dapatan menyokong kajian Alias (2010) yang mendapati tahap kefahaman pelajar-pelajar politeknik dalam aspek akidah berada pada tahap yang tinggi. Dapatan ini juga selaras dengan teori yang dibawa oleh al-Ghazali (1976 & 1977 & 1992) yang menekankan bahawa kefahaman yang jelas datang dari ilmu. Melalui ilmu, jiwa dan jasad manusia akan terdidik untuk mengawal tingkah laku, seterusnya mengurus jiwa dan tingkah laku ke arah yang baik.

Lain dari itu, aspek akidah yang diutarakan adalah berkisarkan matlamat seseorang hamba dalam mengabdikan diri kepada Allah, mengetahui segala perbuatan sentiasa diperhatikan oleh Allah, orang yang beriman akan sentiasa melaksanakan perintah Allah, perkara yang berkaitan qada' dan qadar berkisarkan Allah berhak menentukan seseorang memperoleh kesenangan dan kesusahan dan keperluan bertaubat. Seterusnya, dapatan kajian ini 96.7% sangat setuju bahawa matlamat mereka adalah untuk mengabdikan diri kepada Allah. Ini menunjukkan bahawa mereka faham dan jelas tentang matlamat hidup. Selain itu, seramai 96.7% yang sangat setuju bahawa Allah mengetahui gerak-geri manusia dalam setiap perbuatan mereka.

Seterusnya, kajian ini mendapati tahap pengamalan nilai Islam dalam kalangan remaja juga berada pada tahap yang tinggi ($M=4.23$, $S.P=0.33$). Secara umum, dapatan ini menggambarkan bahawa tahap amalan yang merangkumi ibadah dan akhlak berada pada tahap yang baik walaupun tahap amalan ini rendah dari tahap kefahaman. Dapatan ini selari dan menyokong dengan kajian yang dilakukan oleh seri Kartini Juraimi & Fariza (2013) yang

mengkaji tahap pengamalan ajaran Islam dalam kalangan pelajar politeknik dari aspek akidah, ibadah dan akhlak yang mendapati dari hasil kajian berada pada tahap yang tinggi dan baik.

Dapatan kajian ini, skor pengamalan ibadah dan akhlak yang tinggi min 4.73 yang berkisarkan mereka menyesal sekiranya terkasar dengan ibu bapa. Dapatan ini mendapati bahawa seramai 93.3% responden yang setuju mereka kesal atas perbuatan mengasari ibu bapa. Dapatan yang lain, dalam aspek ibadah, remaja akan tenang apabila membaca al-Quran. Seramai 86.7% yang setuju bahawa mereka gemar membaca al-Quran untuk mencari ketenangan dengan membaca al-Quran.

Selanjutnya, tahap kefahaman dan pengamalan dalam kalangan remaja di MATA berada pada tahap yang tinggi kerana penekanan dalam pembelajaran oleh para pensyarah terhadap kefahaman dan pengamalan seperti aspek akidah dan ibadah. Walaupun terdapat peratusan yang rendah, penekanan ini perlu diberikan untuk menangani ketirisan dalam menyampaikan dakwah. Pensyarah perlu berperanan dalam memastikan pelajar sentiasa faham dan mengamalkan apa yang dipelajari.

Perbezaan Kefahaman Dan Pengamalan Nilai Islam Dalam Kalangan Pelajar MATA Berdasarkan Jantina.

Berdasarkan hasil kajian, perbezaan kefahaman nilai Islam dalam kalangan remaja MATA menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan kefahaman berdasarkan jantina. Perbandingan tahap kefahaman remaja terhadap nilai Islam berdasarkan kursus lesen jurutera penyelenggaraan pesawat dan lesen juruteknik penyelenggaraan pesawat ialah $t = 0.73$ dan tahap signifikan $p = 0.71$. Tahap signifikan ini lebih besar daripada 0.05 ($p > 0.05$).

Dapatan kajian ini selari kajian yang dilakukan oleh Wan Ahmad Zakry (2015) dan Mohd Khairi Shafie (2016) dalam kajiannya bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kefahaman akhlak dalam kalangan pelajar di POLIMAS. Dapatan ini mendapati bahawa kefahaman pelajar perempuan lebih bagus dari kefahaman lelaki pada komponen kerohanian dalam aspek kefahaman.

Dalam pada itu, perbezaan pengamalan nilai Islam dalam kalangan remaja berdasarkan jantina tidak wujud perbezaan yang signifikan nilai t bagi perbandingan tahap pengamalan remaja terhadap nilai Islam berdasarkan kursus lesen jurutera penyelenggaraan pesawat dan lesen juruteknik penyelenggaraan pesawat $t = 0.32$ dan tahap signifikan $p = 0.71$. Tahap signifikan ini lebih besar daripada 0.05 ($p > 0.05$). Dapatan ini menyokong kajian yang dilakukan oleh Nurul Atiqah (2017), yang melakukan kajian terhadap amalan solat dan melihat perbezaan berdasarkan jantina mendapati tahap akhlak pelajar berada pada tahap tinggi. Selain itu, bagi menyokong kajian-kajian yang tiada perbezaan berdasarkan jantina sebagaimana yang telah dijalankan oleh Roshiza (2002); Mehtap & Sadegul (2005) dan Ong Sze Chong et al. (2013), Oleh itu, tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap pengamalan nilai Islam dalam kalangan remaja.

IMPLIKASI KAJIAN

Dapatan kajian yang diperolehi daripada kajian ini memberi implikasi yang positif kepada kefahaman dan pengamalan nilai Islam dalam kalangan remaja di MATA. Selain itu, itu turut memberi kesan kepada faktor-faktor yang mempengaruhi yang terdiri daripada pensyarah,

ibu bapa, media massa dan rakan sebaya. Berdasarkan perbincangan dapatan kajian, beberapa implikasi terbina dan mampu memberikan pengaruh yang positif kepada pencapaian MATA dan negara.

Implikasi Kepada Pelajar

Implikasi kajian ini menunjukkan remaja yang terdiri daripada pelajar Malaysian Aviation Training Academy (MATA) perlu peka dan memanfaatkan terhadap pengamalan nilai Islam yang terdiri daripada aspek akidah, ibadah dan akhlak sekalipun ia berbeza bagi setiap individu remaja. Perhatian sepenuhnya sangat diperlukan untuk memaksimumkan kefahaman dan pengamalan terhadap nilai Islam di kampus MATA atau di pusat latihan industri. Setiap remaja membawa imej beragama Islam dan seorang muslim perlu mempunyai semangat tinggi kepada nilai Islam serta mengamalkan pada setiap masa walau di mana pun remaja berada. Remaja juga perlu menanamkan keazaman untuk minat terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam dan bersungguh-sungguh mempelajari. Remaja juga perlukan menonjolkan adab yang mulia dan contoh teladan yang baik agar sentiasa dihormati dan memperoleh kebaikan dalam menuntut ilmu.

Implikasi Kepada Pensyarah.

Secara keseluruhan, kajian ini membantu pensyarah untuk meningkatkan kualiti pengajaran terutama semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Di samping itu, pensyarah perlu mengingatkan norma nilai Islam dalam setiap pembelajaran sekalipun ianya adalah kelas mata pelajaran teknikal. Lain dari itu, para pensyarah perlu memastikan setiap pelajar boleh menguasai bidang akidah, ibadah dan akhlak. Seterusnya, para pensyarah perlu memberi contoh yang baik dari segi tutur kata, perbuatan dan tingkah laku, selari dengan kehendak Islam yang telah meletakkan garis panduan guru muslim. Malah, pensyarah perlu meningkatkan tahap profesionalisme dalam merancang, mengendali dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran agar lebih berkesan. Oleh itu, dorongan yang positif sangat diperlukan agar dapat membantu pelajar dalam kalangan remaja agar sentiasa dimotivasikan untuk mencapai impian mereka menjadi juruteknik dan jurutera yang menepati ciri-ciri yang dikehendaki Islam dan melaksanakan nilai Islam.

Implikasi Kepada Pengurusan Malaysian Aviation Training Academy (MATA).

Pihak pengurusan MATA perlu sentiasa memberi sokongan kepada kakitangan, terutamanya para pensyarah dalam meningkatkan kualiti dalam menyemai nilai Islam di MATA. Pihak pengurusan perlu mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pensyarah dan membuat penambahbaikan dari semasa ke semasa untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Daripada kajian ini memberi input kepada pihak pengurusan ~~dapat~~ dalam mempertingkatkan lagi aktiviti-aktiviti keagamaan untuk memastikan MATA terus kaya dengan nilai Islam. Justeru, melalui dapatan kajian ini mampu mengubah suasana ke arah yang lebih baik seperti apa yang digariskan oleh Islam.

CADANGAN KAJIAN

Kajian ini terbatas dalam usahanya untuk meninjau tahap kefahaman dan pengamalan nilai Islam dalam kalangan remaja di Malaysian Aviation Training Academy (MATA). Melalui kajian akan datang, masih terdapat ruang yang boleh dikaji oleh pengkaji seterusnya dengan

kajian yang lebih sempurna serta menggunakan sumber yang berlainan dapat dijalankan. Selain itu, beberapa aspek kajian yang berbeza boleh diberikan penekanan agar bidang ilmu yang berkaitan dengan kajian ini dikaji lebih mendalam. Berikut dikemukakan beberapa cadangan untuk kajian selanjutnya.

Populasi ini hanya menumpukan kepada sebuah institusi penyelenggaraan pesawat sahaja yang mempunyai tiga kursus yang berkaitan dengan penyelenggaraan pesawat. Maka dicadangkan agar kajian akan datang melibatkan di seluruh institusi penyelenggaraan pesawat yang terdapat di Malaysia. Dapatan kajian yang diperolehi menggunakan soal selidik kaedah kuantitatif, maka pengkaji mencadangkan agar kajian akan datang dilakukan dalam bentuk kualitatif atau campuran '*mixmode*' bagi melihat secara lebih dalam bagaimana kefahaman dan pengamalan nilai Islam dihayati dan diamalkan dalam kalangan remaja.

KESIMPULAN

Hasil dari perbincangan dia atas dapat disimpulkan bahawa tahap kefahaman dan pengamalan nilai Islam dalam kalangan remaja di Malaysian Aviation Training Academy (MATA) berada pada tahap yang baik. Ini memberi makna bahawa tahap kefahaman tahap pengamalan perlu diperkembangkan agar remaja boleh memperoleh ilmu seperti mana yang telah ditetapkan oleh syariat.

Kajian ini terbatas dalam usahanya untuk meninjau tahap kefahaman dan pengamalan nilai Islam dalam kalangan remaja di Malaysian Aviation Training Academy (MATA). Melalui kajian akan datang, masih terdapat ruang yang boleh dikaji oleh pengkaji seterusnya dengan kajian yang lebih sempurna serta menggunakan sumber yang berlainan dapat dijalankan. Selain itu, beberapa aspek kajian yang berbeza boleh diberikan penekanan agar bidang ilmu yang berkaitan dengan kajian ini dikaji lebih mendalam. Berikut dikemukakan beberapa cadangan untuk kajian selanjutnya.

Populasi ini hanya menumpukan kepada sebuah institusi penyelenggaraan pesawat sahaja yang mempunyai tiga kursus yang berkaitan dengan penyelenggaraan pesawat. Maka dicadangkan agar kajian akan datang melibatkan di seluruh institusi penyelenggaraan pesawat yang terdapat di Malaysia. Dapatan kajian yang diperolehi menggunakan soal selidik kaedah kuantitatif, maka pengkaji mencadangkan agar kajian akan datang dilakukan dalam bentuk kualitatif atau campuran '*mixmode*' bagi melihat secara lebih dalam bagaimana kefahaman dan pengamalan nilai Islam di hayati dan diamalkan dalam kalangan remaja.

Secara keseluruhan tahap kefahaman nilai Islam dalam kalangan pelajar mendapati dalam nilai interpretasi yang tinggi. Namun begitu, pengkaji mencadangkan agar item dalam kajian ini lebih diperbanyakkan agar dapat dilihat dengan lebih menyeluruh. Begitu juga dalam dapatan kajian tahap pengamalan nilai Islam juga berada dalam skor interpretasi yang tinggi, namun masih terdapat jurang antara skor tahap kefahaman dan tahap pengamalan. Dapatan tahap pengamalan ini membuktikan tahap pengamalan masih berada di tahap yang rendah dari tahap kefahaman. Hal ini membuktikan pelajar perlu menggandakan usaha untuk bersungguh-sungguh dalam mengamalkan dari setiap kefahaman yang telah diberikan oleh pendidik di kolej.

RUJUKAN

- Abdullah Basmeih. (2012). *Al-Quran Al-Karim: Mushaf Tajwid Beserta Terjemahan ke dalam Bahasa Malaysia dan Terjemahan Per-Kata*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Ahmad Diniyah Hj. Ihsan. (1995). *Penghayatan Nilai Akhlak dalam Pendidikan Islam di Kalangan Pelatih-pelatih Islam Maktab Perguruan Teknik (MPT) Kuala Lumpur*. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2001). *Risalah untuk kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC).
- Al-Ghazali, Abu Hamid. (1976). *Ihya' 'Ulum Al-Din*. Mu'assasah al-Halabi wa Sharaka li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Al-Ghazali. (1977). *Keajaiban Hati*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Al-Ghazali. (1992). *Ihya Ulumuddin*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Al-Ghazali, Imam. (1977). *Keajaiban Hati*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Alias Mat Saad. 2010. *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia*. Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Jauziyah, Ibn Qayyim. (2005). *Kaedah-Kaedah Rawatan Penyakit Hati*. Terj. Harun al-Rasyid bin Tuskan. Kuala Lumpur: Darul Fajr.
- Al-Nahlawi, 'Abd al-Rahman. (2002). *Pendidikan Islam di rumah, sekolah dan masyarakat*. Terj. Shihabuddin. Jakarta: Gema Insanai Press.
- Al-Qardhawi, Yusof. (1995). *Ibadah dalam Islam*. Kuala Lumpur. Yayasan Dakwah
- Al-Qardhawi, Yusof. (2000). *Keluasan dan Kehebatan Syariat Islam*. Terj. Muhammad Al-Qulub. Kuala Lumpur: Darul Fajar.
- Asmahan Mokhtar. (2009). *Pengamalan Ajaran Islam di Kalangan Remaja Politeknik Sultan Azlan Shah, Behrang, Perak*. Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asnarulkhadi, A. S. (2009). *Kelompangan Dasar Belia Negara – Menyangga Potensi Belia Menerusi Pendekatan Transformasi Konflik*. *Malaysian Journal of Youth Studies* 1 (2): 1-22.
- Azlina Abdullah. (2010). *Tema dan Isu Penyelidikan Mengenai Gejala Sosial pada Dekad Pertama Abad 21 di Malaysia*. *Akademika: Journal of Southeast Asia Social Science and Humanities*. 78 (Jan-April): 3 - 14.
- Baharom Mohamad, Ali Suradin & Za'ba Helmi Khamisan. (2008). *Peranan Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral dalam Membina Sahsiah Pelajar Berkualiti*. *Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Bloom, B. S., Krathwohl, D. R. & Masia, B. B. (1964). *Taxonomy of educational objectives - book 2 affective domain*. London: Longman Group Limited

- Borg, W.R. & Gall, M.D. (1979). *Educational Research: An Introduction*. Ed. 3. New York: Longman.
- Bryman, A. (2001). *Social Research Method*. New York: Oxford University Press.
- Ezhar, Tamam., Zamre Yaakob & Mohamad Rezal Hamzah. (2008). Faktor penglibatan remaja daripada keluarga berpendapatan rendah di bandar dalam masalah sosial. *Jurnal Pembangunan Belia Malaysia*. 1: 1 - 18.
- Ghazali Darussalam & Sufean Hussin. (2018). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan: Amalan Dan Analisis Kajian*. Penerbit Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Hasna Bidin, Ahmad Syukran Baharuddin, Mohd Ismail Mustari, (2015). Kefahaman Ibadat Solat Fardu dalam Kalangan Pelajar Muslim: Kajian Tinjauan di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka. *Jurnal Sains Humanika*. 5(3): 21–34.
- Hassan Langgulung. (1987). *Pendidikan Islam menghadapi abad 21*. Shah Alam: Hizbi Baihaqi (terj.), Cetakan pertama. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publisher.
- Hassan Mohd Ali. (2007). *Smart Learning: Teknik Menjadi Pelajar Cemerlang*. Wangsa Melawati: Pts Millennia Sdn Bhd.
- Ibn Khaldun, Abd al-Rahman bin Muhammad Khaldun al-Hadrami. (2002). *Mukaddimah Ibn Khaldun*. Terj. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabir Qamihah. (1996). *Nilai-Nilai Islam Satu Pengenalan*. Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu.
- Jawiah Dakir. (2006). *Prinsip Ketujuh: Pembelaan Kumpulan Minoriti dan Hak Wanita*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- John J. Macionis. (1987). *Sociology*. New Jersey: Prentice Hall.
- Khadijah Abdul Razak. (2009). Pembentukan Insan Berakhlak Mulia dari Persepektif Falsafah Pendidikan Islam. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri Ke-9*. Gontor: Institut Studi Darussalam Gontor, Indonesia.
- Khairul Hamimah Binti Mohammad Jodi. (2008). Pemahaman Akidah Di Kalangan Pelajar Institut Pengajian Tinggi Swasta Dan Kesannya Terhadap Masalah Akhlak: Suatu Kajian. Seminar Kebangsaan Kemahiran Insaniah & Kesejahteraan Sosial 2008 pada 18-19 Ogos 2008, Melaka.
- Maimun Aqsha Lubis & Roslan Aspar. (2005). Kaedah pengajaran dan pengetahuan agama Islam di Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 30: 141-150.
- Md Yusof Ali. (2010). Amalan Akhlak Sosial Islam dalam Kalangan Pelajar Bermasalah Disiplin di Sekolah Menengah Kebangsaan Negeri Pahang. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mehtap Cakan & Sadegul Akbaba Altun. (2005). Adaptation of an emotional intelligence scale for Turkish Educators. *International Education Journal*. 6 (3): 367-372.

- Mohd Ashraf Che Soh @ Yusoff. (2010). Pengamalan Nilai-Nilai Islam dalam Kalangan Pelajar di Sekolah Menengah Daerah Kota Kinabalu, Sabah. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Khairi Shafie & Mohamad Khairi Haji Othman. (2016). Kefahaman Dan Pengamalan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research*, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016, Universiti Utara Malaysia, Malaysia. Proceeding of ICECRS, 1: 663-676
- Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah Penyelidikan Kajian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hayati Fatmi Talib, Nur Azmah Mohamad Saleh & Nursuriati Mohd Badli. (2017). Pengaruh Lingkungan Sosial Terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar Politeknik Banting Selangor Dan Kolej Komuniti Kuala Langat, Malaysia *Jurnal Sosial Budaya*. 14(2): 119 – 128.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill (Malaysia) Sdn Bhd.
- Norazri Mohd Zaidin. (2015). Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Ke Arah Pembentukan Sahsiah Pelajar Di Kolej Kemahiran Tinggi MARA. Tesis Sarjana. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Nurul Atiqah. (2017). Hubungan Budaya Persekitaran Terhadap Penghayatan Nilai-Nilai Akhlak Islam dalam Kalangan Mahasiswa. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ong Sze Chong. Zamri Mahamod, Hamidah Yamat. 2013. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 3(1): 12-13.
- Pallant, J. (2007). *SPSS Survival Manual; A Step by Step Guide to Data Analysis using SPSS for Windows*. New York: McGraw-Hill.
- Rahmat Abdullah & Mohd Toriq Hj Sulaiman. (2013). Tahap Kefahaman dan Pelaksanaan Ibadat Solat Lima Waktu di kalangan Pelajar Muslim di Kolej Komuniti Selandar. *Prosiding Seminar Penyelidikan*. Kolej Komuniti Selandar, Melaka.
- Rohana Yusof. (2010). *Asas Sains Sosial Dari Perspektif Sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Roshiza Abd. Wahab. (2002). Kecerdasan emosi kanak-kanak bermasalah pembelajaran mengikut persepsi guru. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Sapora Saipon. (2010). *Gejala Sosial di Kalangan Pelajar dan Keperluan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling*. Tanjung Malim: Penerbit UPSI.
- Sekaran, Uma. (2003). *Research Methods for Business: A Skill Building Approach*. Ed.-4. United States of America: John Wiley & Sons Inc.

- Seri Kartini Jurami & Fariza Md Sham. (2013). Pengamalan ajaran Islam dalam kalangan pelajar Politeknik Ungku Omar, Ipoh. *Islamiyyat: Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam; International Journal of Islamic Studies*. 35 (1): 29-38.
- Shukri Ahmad, Yahya Don, Wan Abdul Rahman Khudri Wan Abdullah, Mohammed Ibrahim & Shahril Fazli Mat Hussain. (2014). Penghayatan solat dan pengimarah masjid: Kajian dalam kalangan pelajar Universiti Utara Malaysia. 2nd International Conference on Social Sciences Research (ICSSR), 9-10 Jun 2014, Kota Kinabalu, Sabah.
- Siti Mariam Samat. (2002). Tahap Pengawalan Pihak Pengurusan Politeknik di Dalam Mengurangkan Gejala Sosial di Kalangan Pelajar. Tesis Sarjana Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Siti Zaleha Binti Shafi'e. (2016). Gaya Hidup Remaja Dan Hubungannya Dengan Pengamalan Islam Di Bandar Baru Permas Jaya, Johor Bahru. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Ahmad Zakry Wan Kamarudin. (2015). Kajian Kes Perbezaan Jantina Dalam Pembentukan Sahsiah Muslim Pelajar. *e-Academia Journal*. 4(1): 22-29.
- Yahya Jusoh. (2014). *Falsafah Sains dan Teknologi Menurut al-Quran*. Skudai, Johor: Penerbit UTM.
- Ylva Svensson, William J. Burk, Håkan Stattin, Margaret Kerr. (2012). Peer Selection and Influence of Delinquent Behavior of Immigrant and Non-Immigrant Youths: Does Context Matter?. *International Journal of Behavioral Development*. 36(3):178-185.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail dan Noranizah Yusuf. (2012). Faktor persekitaran sosial dan hubungannya dengan pembentukan jati diri. *Jurnal Hadhari*. Edisi Khas: 155-172.
- Zulkifli Md Ali. (2015). Pengamalan Nilai-Nilai Islam dalam Kalangan Murid Pendidikan Khas Bermasalah Pendengaran. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.

BIODATA PENULIS

Nama: Annasai Bin Jamar

Pekerjaan: Pensyarah

Fakulti: Fakulti Pendidikan (FP)

Jabatan: Jabatan Asas Kemanusiaan Dan Pengkaedahan

Majikan: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Email: Annasai@kuis.edu.my

Nama: Fatin Nazmin Binti Mansor

Pekerjaan: Pensyarah

Fakulti: Fakulti Peradaban Dan Pengajian Islam. (FPPI)

Jabatan: Jabatan Tahfiz Alquran Dan Alqiraat

Majikan: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Email: Fatinazmin@kuis.edu.my

Nama: Profesor Dr. Mohd Aderi Bin Che Noh
Pekerjaan: Pensyarah
Fakulti: Fakulti Sains Kemanusiaan
Majikan: Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)